

PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Pejabat Kewangan Negeri,
Tingkat 5, Blok D, Wisma Negeri,
70503 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus.



Telefon : 06 - 7624686 (Talian Terus)
06 - 7659961
06 - 7659962
No. Faks: 06 - 7636352
06 - 7671702

Fail Kami : P.Kw.N./N.S.(349) 454/3-1 Klt.18 (17)
Tarikh : 11 Rejab 1442H
23 Februari 2021

SEPERTI SENARAI EDARAN

YB. Dato' Dr./ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

PENGEKALAN HAD NILAI LANTIKAN TERUS BAGI PEROLEHAN KERJA KERAJAAN TAHUN 2021

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YB. Dato' Dr./ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara yang tersebut di atas dan surat edaran daripada Kementerian Kewangan Malaysia, MOF.BPK(S)600-14-/2/2(5) bertarikh 16 Februari 2021 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman YB. Dato' Dr./ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan, Kementerian Kewangan Malaysia telah mengeluarkan surat edaran bagi meningkatkan had nilai ambang perolehan kerja bagi kaedah lantikan terus untuk kontraktor Gred G1 dan G2 dinaikkan daripada RM20,000.00 kepada RM50,000.00 dalam tempoh darurat pandemik COVID-19.

3. Walau bagaimanapun, Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus mengambil ketetapan bahawa **Had Nilai Lantikan Terus Bagi Perolehan Kerja Kerajaan Tahun 2021** adalah **Kekal** sebagaimana **Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 2.2 – Kaedah Pelaksanaan Perolehan/Projek Kerajaan Tahun 2021**.

Perhatian dan kerjasama pihak YB. Dato' Dr./ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini adalah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“BERSIH. MUAFAKAT. SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' HAJI MOHD KHIRID BIN MAJID)